

# NIHON Superior Setuju Tambahan Dana Geran RM70,000

Nihon Superior Co Ltd bersetuju bagi melanjutkan kolaborasi dan tambahan geran penyelidikan dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bernilai kira-kira RM70 000. Syarikat pengeluar bahan pateri terkemuka dunia yang berpangkalan di Osaka Jepun itu sebelum ini sudah menandatangani perjanjian persefahaman (MoA) dengan UniMAP pada tahun 2013 bagi pembiayaan geran penyelidikan dan kolaborasi dalam bidang berkenaan selama dua tahun membabitkan RM300 000. Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin berkata kolaborasi ini juga meliputi pembiayaan seramai lima pelajar sarjana di bawah projek penyelidikan dan

pembangunan dalam kejuruteraan bahan pateri serta berjaya dilakukan dengan cemerlang. Katanya, UniMAP melahirkan setinggi penghargaan di atas kepercayaan syarikat berkenaan bagi memperbaharui kolaborasi penyelidikan berkenaan sekaligus memberi peluang kepada penyelidik UniMAP meningkatkan usaha penyelidikan dalam bidang itu. "Kolaborasi yang telah bermula sejak 2013 ini telah berjaya dan pihak Nihon Superior bersetuju bagi melanjutkan kolaborasi penyelidikan ini selama tambahan dua tahun bermula tahun ini hingga 2017 dan seterusnya bersetuju menambah jumlah geran penyelidikan dan tambahan pembiayaan pelajar sarjana.

Menurutnya, tambahan geran ini telah dipersetujui oleh pihak Nihon Superior semasa lawatan dan eksperimen ketua penyelidik projek UniMAP-Nihon Superior dari Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech), Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan UniMAP, Mohd Arif Anuar Mohd Salleh ke SPring-8 Synchrotron, Osaka Jepun pada 5 Februari lalu. Eksperimen menggunakan teknik penggambaran synchrotron ini telah berjaya dan merupakan eksperimen bersama Kyoto University Jepun, Imperial College London, University of Queensland dan UniMAP sendiri.